



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH
(PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2018

*REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION)
(NO. 2) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 2) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan syarikat berstatus IDR, yang merupakan syarikat berstatus Wilayah Pembangunan Iskandar, yang memperoleh secara langsung daripada pemaju suatu bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan atau suatu petak dalam sesuatu bangunan, untuk tujuan kediaman atau perdagangan atau kedua-duanya, di dalam Nod Medini, daripada pembayaran cukai berkenaan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan bangunan itu atau sebahagian daripada bangunan itu atau suatu petak dalam bangunan itu yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2020.

(2) Syarikat berstatus IDR yang disebut dalam subperenggan (1) ialah syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) yang menjalankan aktiviti yang layak, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, di Nod Medini; dan

(c) yang diluluskan oleh Menteri.

- (3) Pemaju yang disebut dalam subperenggan (1) ialah pemaju—
- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) yang memperoleh apa-apa hak ke atas sebahagian atau keseluruhan tanah untuk menjalankan pembangunan di Nod Medini mengikut pelan induk nod itu; dan
- (c) yang diluluskan oleh Menteri.

(4) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat berstatus IDR itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

JADUAL

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
1.	Industri kreatif	<p>(a) perkhidmatan kreatif dan reka bentuk</p> <p>(b) perkhidmatan pengurusan kreatif</p> <p>(c) filem dan televisyen</p> <p>(i) pra-produksi</p> <p>(ii) produksi</p> <p>(iii) pasca produksi</p> <p>(iv) pengedaran</p> <p>(d) permainan dan animasi</p> <p>(i) rekaan kandungan</p> <p>(ii) produksi</p> <p>(iii) pasca produksi</p> <p>(iv) pengedaran</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
		<p><i>(e)</i> penajaan dan pengiklanan kandungan dalam talian dan bergerak</p> <p><i>(f)</i> pengumpulan dan pemboleh kandungan dalam talian dan bergerak</p> <p><i>(g)</i> penyelidikan dan pembangunan kreatif</p> <p><i>(h)</i> pengedaran dan pemasaran kandungan kreatif</p> <p><i>(i)</i> perkhidmatan media dan kandungan bersepadu</p> <p><i>(j)</i> seni tampak dan seni persembahan</p>
2.	Perkhidmatan pendidikan	<p><i>(a)</i> universiti</p> <p><i>(b)</i> kolej</p> <p><i>(c)</i> institusi latihan kemahiran</p> <p><i>(d)</i> institusi penyelidikan dan pembangunan</p> <p><i>(e)</i> pusat latihan serantau</p>
3.	Perkhidmatan penjagaan kesihatan	<p><i>(a)</i> hospital dan pusat perubatan tradisional dan komplementari</p> <p><i>(b)</i> perkhidmatan pergigian dan ortodontik bersepadu</p> <p><i>(c)</i> penyelidikan dan pembangunan penjagaan kesihatan</p> <p><i>(d)</i> perkhidmatan makmal bersepadu</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
4.	Pelancongan	<p>(a) hotel</p> <p>(b) taman tema, pusat hiburan, pusat hiburan keluarga dan pusat kebudayaan</p> <p>(c) pusat persidangan dan pusat pameran</p> <p>(d) operasi serantau perkhidmatan hotel dan masa lapang</p>
5.	Perkhidmatan logistik	<p>(a) perkhidmatan rantaian pembekalan bersepadu</p> <p>(b) perkhidmatan dan penyelesaian rantaian pembekalan bernilai tinggi</p>
6.	Perkhidmatan perniagaan global	<p>(a) khidmat luaran teknologi maklumat</p> <p>(b) khidmat luaran proses perniagaan</p> <p>(c) khidmat luaran proses pengetahuan</p>

Dibuat 18 Disember 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.125)(SK.3); LHDN.01/10.5/63-2; PN(PU2)325/V]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 9(4) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976]

REAL PROPERTY GAINS TAX ACT 1976

REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 9(3) of the Real Property Gains Tax Act 1976 [*Act 169*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Real Property Gains Tax (Exemption) (No. 2) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2010.

Exemption

2. (1) The Minister exempts an IDR status company, which is a Iskandar Development Region status company, that acquires directly from the developer a whole building or a part of a building or a parcel of a building, for the purpose of residential or commercial or both, in the Node Medini, from the payment of real property gains tax in respect of the chargeable gains accruing on the disposal of the building or part of the building or a parcel of the building made on or after 1 January 2010 until 31 December 2020.

(2) The IDR status company referred to in subparagraph (1) shall be a company—

(a) that is incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*] and resides in Malaysia;

(b) that undertakes qualified activity as specified in the Schedule, in Node Medini; and

(c) approved by the Minister.

- (3) Developer referred to in subparagraph (1) shall be a developer—
- (a) that is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resides in Malaysia;
 - (b) that acquires any rights over part or the whole of the land to undertake development in Node Medini in accordance with the master plan for the node; and
 - (c) that is approved by the Minister.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the IDR status company from complying with any requirement to submit any return or to furnish any other information under the Act.

SCHEDULE

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualified activity
1.	Creative industries	<ul style="list-style-type: none"> (a) creative and design services (b) creative management services (c) film and television <ul style="list-style-type: none"> (i) pre-production (ii) production (iii) post-production (iv) distribution (d) games and animation <ul style="list-style-type: none"> (i) content creation (ii) production (iii) post-production (iv) distribution

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualified activity
		<p><i>(e)</i> online and mobile content generation and advertising</p> <p><i>(f)</i> online and mobile content aggregation and enablers</p> <p><i>(g)</i> creative research and development</p> <p><i>(h)</i> distribution and marketing of creative content</p> <p><i>(i)</i> integrated media and content services</p> <p><i>(j)</i> visual and performing arts</p>
2.	Educational services	<p><i>(a)</i> universities</p> <p><i>(b)</i> colleges</p> <p><i>(c)</i> skills training institutions</p> <p><i>(d)</i> research and development institutions</p> <p><i>(e)</i> regional training centres</p>
3.	Healthcare services	<p><i>(a)</i> hospitals and traditional complementary medicine centres</p> <p><i>(b)</i> integrated dental and orthodontic services</p> <p><i>(c)</i> healthcare research and development</p> <p><i>(d)</i> integrated laboratory services</p>
4.	Tourism	<p><i>(a)</i> hotels</p> <p><i>(b)</i> theme parks, amusement centres, family entertainment centres and cultural centres</p> <p><i>(c)</i> conference centres and exhibition centres</p> <p><i>(d)</i> regional operation of hotel and leisure services</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualified activity
5.	Logistics services	<i>(a)</i> integrated supply chain services <i>(b)</i> high value supply chain services and solutions
6.	Global business services	<i>(a)</i> information technology outsourcing <i>(b)</i> business process outsourcing <i>(c)</i> knowledge process outsourcing

Made 18 December 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.125)(SK.3); LHDN.01/10.5/63-2; PN(PU2)325/V]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 9(4) of the Real Property Gains Tax Act 1976]